

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 1/2004

Tarikh : 12 Mei 2004
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

Yang Hadir

Putri Saniah Megat Abd. Rahman (<i>Pengerusi</i>)	(k pustaka@pkriscc.ck.ukm.my)
Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Azian Abd. Rahman (<i>wakil</i>) : KUKTEM	(ruslan@kuktem.edu.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Kalsom Sharif : UIAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Lela Ruzma Mohd Shaari : UKM	(lela@pkriscc.ck.ukm.my)
Masnah Abdul Karim : UiTM	(masnah619@salam.itm.edu.my)
Mohd. Zaid Mohamad Idris (<i>wakil</i>) : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Mohd Shahar Saad (<i>wakil</i>) : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Nor Asiah Mohamad : UKM	(nor@pkriscc.ck.ukm.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Syarifah Naqiya Syed Abd. Rahman (<i>wakil</i>):PNM	(bru@pnm.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Hafsah Mohd : UKM (<i>Setiausaha</i>)	(hafsaahm@pkriscc.ck.ukm.my)

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Noraini Noran Abdullah : MINT	
Noraziah Sharuddin : UTM	(azie@mel.psz.utm.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_mshariff@petronas.com.my)
Roslin Muhiddin : NPC	(roslin@npc.org.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)
Sharifah Hanom Bidin: OUM	(sharipah@unitem.edu.my)

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:

- PDK langganan Kementerian Pendidikan
- Statistik penggunaan PDK
- Hal-hal berbangkit

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 7/2003

Minit Mesyuarat Bil. 7/2003 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

3.1 Pengerusi membaca sepintas lalu surat dari Kementerian Pendidikan berkaitan pembaharuan langganan PDK yang dilanggan menggunakan peruntukan Kementerian Pendidikan.

3.2 Pengerusi mohon pandangan ahli mesyuarat berkaitan beberapa isu yang dibangkitkan di dalam surat terutamanya berkaitan dengan pengaksesan PDK oleh institusi yang bukan di bawah Kementerian Pendidikan seperti MMU, UNITEN, UTP dan PNM.

3.3 Mesyuarat bersetuju:

- a. PDK langganan Kementerian Pendidikan adalah salah satu aktiviti PERDANA dan ini bermakna ia meliputi semua perpustakaan IPT termasuk perpustakaan MMU, UNITEN dan UTP. PNM adalah merupakan salah sebuah agensi kerajaan. Projek PERDANA adalah projek negara.
- b. Setiap institusi yang terlibat dalam PDK langganan Kementerian Pendidikan perlu menggunakan peruntukan sendiri bagi pembaharuan 3 PDK (Proquest Education, Ebscohost BSP, ScienceDirect) bagi tahun 2004.
- c. Wakil Perpustakaan UM akan menghubungi pembekal bagi 2 PDK (kecuali Ebscohost BSP - telah ada invois yang berasingan) tersebut dan memaklumkan supaya invois disediakan secara berasingan. Beliau juga akan mengesahkan dengan pihak Ebscohost sama ada pembayaran perlu dibuat melalui wakil di Singapura atau terus ke Pejabat di US. Wakil ScienceDirect akan datang berjumpa beliau pada 18/5/04.

**Tindakan: Wakil Perpustakaan
UM**

- d. Jawapan kepada surat dari Kementerian Pendidikan akan dihantar segera. Sekiranya ada peruntukan bagi langganan PDK ianya akan digunakan untuk pembaharuan langganan PDK bagi tahun 2005.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

4.0 SENARAI INDUK JURNAL

- 4.1 Projek penyediaan senarai induk jurnal akan di bawa ke Mesyuarat PERPUN bagi menentukan institusi mana yang akan menjadi penyelaras. Senarai jurnal merangkumi jurnal bercetak dan jurnal elektronik
- 4.2 Perpustakaan UKM telah mendapat tempoh percubaan bagi perisian Ebscohost A to Z. Maklumat mengenai perisian ini akan dimaklumkan kepada Pengerusi sebelum Mesyuarat PERPUN yang akan datang

**Tindakan: Sekretariat JK PDK
(Puan Lela)**

- 4.3 Senarai PDK langganan setiap institusi akan diedarkan kepada ahli mesyuarat melalui e-mel. Semua ahli dimohon supaya mengemaskini senarai tersebut mengikut institusi masing-masing.

**Tindakan: Sekretariat JK PDK
(Puan Hafsah)**

5.0 STATISTIK PENGGUNAAN PDK

- 5.1 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel E-Metrics. Puan Julia (dari ARL) akan dijemput sebagai penceramah. Bengkel akan diadakan selepas seminar di Langkawi pada 27/28 Mei 2004.
- 5.2 Wakil Perpustakaan UUM akan dihubungi untuk memberikan maklumat asas berkaitan E-Metrics.

**Tindakan: Sekretariat JK PDK
(Puan Hafsah)**

6.0 Hal-HAL LAIN

6.1 Garis Panduan Bagi Perolehan Jurnal Elektronik/PDK

Garis panduan terkini telah diedarkan kepada semua ahli yang hadir. Sebarang pembetulan/tambahan/cadangan hendaklah dimaklumkan kepada pihak sekretariat JK PDK.

Tindakan: Semua Ahli JK PDK

6.2 E-Books (Netlibrary)

- a. Perpustakaan UIAM telah melanggan 200 judul e-Books melalui Netlibrary. Langganan adalah 'one time purchase' menggunakan vot jurnal. Statistik penggunaan belum dapat dipantau lagi memandangkan perkhidmatan baru sahaja bermula. Bengkel pengaksesan NetLibrary akan diadakan kepada semua pelanggan.

6.3 Perolehan PDK > RM200,000

- a. Wakil UPSI berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Book line Service. UPSI telah melanggan Ebscohost (Business Source Premier, Academic Search Premier, Sports Discuss) dan Proquest (International Music Periodical, GPO dengan CD backup). Mesyuarat mohon mendapatkan salinan invois bagi langganan tersebut. Wakil UPSI akan menghantar invois kepada sekretariat JK PDK melalui faks.

Tindakan: Wakil UPSI

- b. Terdapat maklumat yang berbeza daripada Kementerian Kewangan berkaitan dengan perolehan PDK >RM200,000 melalui tender. Wakil NISC telah dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan bahawa syarikat beliau tidak perlu mendaftar dengan Kementerian Kewangan bagi membekalkan PDK >RM200,000.

6.4 Soal Selidik

Sampel soal selidik untuk dimajukan kepada pembekal sebelum langganan sesebuah PDK telah diedarkan kepada semua ahli mesyuarat. Sampel tersebut telah disediakan oleh salah sebuah perpustakaan di UK. Semua ahli mesyuarat dimohon memberikan pandangan berkaitan soalselidik tersebut.

Tindakan: Semua ahli mesyuarat

6.5 Pemantauan Pengaksesan dan Penilaian PDK

Mesyuarat bersetuju supaya pemantauan pengaksesan dan penilaian kandungan serta perkhidmatan PDK diadakan secara berkala. Contoh: Di Perpustakaan UM, seorang kakitangan telah ditugaskan bagi tujuan tersebut. Di Perpustakaan UKM tugas tersebut diagih-agihkan kepada semua kakitangan Bahagian Perkhidmatan Maklumat.

Tindakan: Semua ahli mesyuarat

6.6 Konsortium – COMLIB

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak METEOR bersetuju supaya COMLIB ditubuhkan di bawah METEOR. Kertas kerja COMLIB akan dimantapkan lagi untuk di bawa ke JPT pada bulan Jun 2004.

Tindakan: Sekretariat COMLIB

6.7 Kos ITS MARC

Wakil UNITEN menerangkan bahawa kos langganan ITS Marc bagi tahun 2004 (3 workstations) ialah RM45,626.80. Kos langganan ITS Marc bagi tahun 2003 ialah RM38,817.80. Kenaikan kos ialah 15%. Kos langganan ITS Marc bagi tahun 2004 (10 workstations) di Perpustakaan UKM ialah RM58,599.00. Bagi tahun 2003 kos langganan adalah sama.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang
UKM Bangi
20 Mei 2004*

PS/HM/fmn